



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 15 NOVEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP MASUK CILI, NEGERI KEDAH/P.PINANG/JOHOR, SH -39	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	'JANGAN TEMBAK BURUNG PUNGGUK JELAPANG', NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SINAR AHAD -37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	NINE DETAINED FOR FISHING NEAR SHORE, HOME, BORNEO TODAY (KK) -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	KUBIS BUNGA TANAH RENDAH, XPRESI, METRO AHAD -35 TEMPOH KAJIAN 4 TAHUN, XPRES, METRO AHAD -36	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8.	MADU KELULUT JANA PENDAPATAN TAMBAHAN, NEGARA, KOSMO -16 NELAYAN SENGSA SUNGAI KERTIH MAKIN CETEK, NEGARA, KOSMO -15 GOV'T PLAN TO BOOST PADI YIELD INSPIRES FARMERS – PETANAH, HOME, BORNEO POST (KK) -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH/ PERAK/ P.PINANG/JOHOR	39

## Maqis gagalkan cubaan seludup masuk cili

**BUKIT KAYU HITAM** - Kira-kira 160 kilogram cili yang cuba diseludup masuk ke dalam negara ini dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan sebelum menahan sebuah lori dari Thailand yang didapati membawa muatan cili bernilai RM600 kira-

kira jam 11.30 tengah malam.

“Melalui pemeriksaan rutin, pegawai Maqis mendapati 20 bakul cili yang cuba dibawa masuk itu tidak mematuhi syarat import sepertimana ditetapkan iaitu gagal mematuhi pengredan, pembungkusan dan pelabelan sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil 3P.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau

dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama,” katanya di sini semalam.

Lily berkata, Maqis Kedah akan memperluaskan tindakan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara ini bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

Katanya, ia bagi memastikan barangan yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

15/11/2020

SINAR  
AHADNEGERI PAHANG/  
SELANGOR/KL

37

# 'Jangan tembak burung pungguk jelapang'

Spesis itu bermanfaat mengawal populasi tikus secara biologi

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN



IADA Pekan catat satu kes burung pungguk jelapang ditembak di sawah di Pahang Tua, Kelantan.

**P**erbuatan menembak seekor burung pungguk jelapang di kawasan penanaman padi di Pahang Tua, Pekan merupakan perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab.

Pengarah Kawasan Pemanfaatan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan Muhammad Khalil Idris berkata, ia menjadi kes pertama selepas membangunkan 320 rumah burung itu sejak 2016.

Menurutnya, spesis itu bermanfaat mengawal populasi tikus secara biologi kerana seekor burung mampu memakan empat hingga lima ekor tikus sehari dan aktif pada waktu malam.

"Kita cuba mengesan individu berkenaan dan bertarap kes ini tidak berulang kerana bukan mudah untuk menemipatkan burung berkenaan di kawasan sawah," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, pihaknya menemu burung pungguk dewasa

ini dalam keadaan tidak bermaya berikutan kecederaan pada bahagian kepak sehingga menyebabkan ia tidak boleh terbang untuk mencari makanan dan balik ke sarang.

"Kita berusaha menyelamatkan burung berkenaan di klinik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang, namun mati selepas beberapa hari menerima rawatan.

"Punca kematian kerana kecederaan yang serius pada bahagian kepaknya selain jangkitan kuman pada bahagian luka," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Khalil berkata, di kawasan jelapang padi Pahang Tua berkenaan terdapat banyak burung pelbagai spesis yang menjadikan tempat itu sebagai habitat semula jadi.

"Setiap rumah mampu menempatkan seekor burung dan rumah itu ditempatkan di setiap 20 hingga 40 hektar sawah," katanya.

Headline	Nine detained for fishing near shore		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azmie Lim	AdValue	RM 848
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,543



## Nine detained for fishing near shore

By **Azmie Lim**

**SANDAKAN:** The Marine Operation Force (MOF) has detained nine crew members of two fishing vessels for fishing near the shore here.

Sandakan MOF Commanding Officer, DSP Rusdin Banin, said the MOF had spotted the two vessels while patrolling off Pamaguan and Tabangka waters on Friday.

He said the two vessels were apprehended while fishing in areas less than three miles from the shore at about 10.20pm.

"Inspection on the two vessels

found that both are committing an offence under Section 8(b) of Fisheries Act 1985.

"The two vessels with nine crews, all Indonesians, were detained. Some 150 kilograms of fish were also seized," he said in a statement.

Rusdin said the two vessels were later brought to Sandakan MOF base before being handed over to the Fisheries Department for further action.

He also welcome the community, especially the maritime community, to convey any information to MOF through Sabah MOF Whatsapp at 0132831197 or nearest police station.



MOF personnel carrying out inspection on one of the two fishing vessels.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2020	METRO AHAD	XPRESI	35



**PENGLONG** Pegawai Penyelidikan Mardi, Fazlinda Fadzil menunjukkan kubis bunga hasil menggunakan Teknologi Pengeluaran Kubis Bunga Tanah Rendah.



**PROSPEK** tanaman membawa hasil pendapatan lumayan kepada bakal petani.



**RONALD** kerana meninjau hasil pengeluaran kubis bunga tanah rendah bersama Mohammad Rafi

## AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

Permintaan pasaran dalam negara bagi sayur-sayuran yang ditanam di tanah tinggi amat menggalakkan.

Ini termasuk kubis bunga atau nama saintifiknya, Brassica oleracea var botrytis yang memerlukan suhu persekitaran rendah iaitu antara 18 hingga 22 darjah Celsius bagi memastikan penghasilan curd atau meristem bunga iaitu bahagian sayur terbahit dijadikan hidangan dan produk makanan.

# KUBIS BUNGA TANAH RENDAH

Berita baik bukan saja kepada pengguna malah petani apabila berpotensi beri tambah nilai kepada pendapatan

Menyedari keperluan tinggi terhadap sayur berkenaan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi)

menjalankan penyelidikan kaedah terbaik penanamannya di kawasan tanah rendah sejak empat tahun lalu.

Kini Teknologi Pengeluaran Kubis Bunga Tanah Rendah sudah sedia diperkenalkan kepada petani dalam sesi pelancaran rasminya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berlangsung di tapak kajian penanaman sayur berkenaan di Ibu Pejabat Mardi, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Menurut Dr Ronald, inovasi berkenaan berita baik bukan saja kepada pengguna malah kepada petani apabila berpotensi memberi tambah nilai kepada pendapatan sedia ada sekali gus mengurangkan kebangantungan Malaysia kepada produk import.

"Kapasiti pengeluaran kubis bunga tempatan ketika ini adalah sekitar 4.66 tan metrik setahun berdasarkan kawasan

tanaman sayur itu yang sangat terhad.

"Secara umum kebanyakan pengeluaran kubis bunga tempatan hanya diperoleh daripada petani di kawasan tanah tinggi, memabtkan kawasan pertanian seluas 535 hektar di Cameron Highlands, Pahang dan Kundasang, Sabah.

"Jumlah itu tidak mampu menampung permintaan tinggi sayur kubis bunga dalam negara yang penggunaan perkapita setahun ialah 1.95 kilogram dan Malaysia terpaksa mengimport dari China bekalan itu dengan jumlah RM280 juta pada tahun 2018,"katanya.

Kajian dilakukan Mardi adalah memenuhi pakej menyeluruh atau lengkap bagi pengeluaran bermula penentuan varieti untuk benih, amalan agronomi bagi hasil yang tinggi, pengurusan perosak dan penyakit serta kawalan kualiti hasil tanaman selepas ditiual.

"Varieti kubis bunga kawasan tanah rendah iaitu varieti C2 menghasilkan bunga yang berkualiti dengan warna putih 'keju' walaupun ditanam pada suhu tinggi mencecah 40 darjah Celsius.

"Dari segi saiz dan profil rasa, kubis yang ditanam di tanah tinggi tiada jauh bezanya,"katanya.



**TEKNOLOGI** Pengeluaran Kubis Bunga Tanah Rendah menggunakan kaedah teknologi bawah struktur pelindungan hujan (SPH)

# TEMPOH KAJIAN 4 TAHUN

Mardi dapati mutu kubis bunga ditanam secara kaedah fertigasi di tanah rendah jauh lebih baik

FOTO | RGHANIS SHUKRI



MENGGUNAKAN polibeg 1ftam saiz 16 inci sesuai beri sokongan pada pertumbuhan kubis bunga.

## INFO

Ihsan Buletin Teknologi Mardi. Penanaman kubis bunga secara fertigasi di tanah rendah oleh Yaseer Suhaimi Mohd.

Penanaman kubis bunga menggunakan sistem fertigasi di struktur pelindung hujan (SPH) bagi mengelak penyakit kulat.

- Bergantung kepada varietti, tanaman kubis bunga secara fertigasi boleh dituai selepas 70 hingga 100 hari selepas dipindahkan ke polibeg.
- Prestasi purata hasil sepokok ialah 0.65kg. Pengusaha perlu mencapai prestasi hasil yang optimum bagi mendapat modal pelaburan dalam masa yang singkat.
- Penanaman kubis bunga juga boleh diintegrasikan bersama tanaman lain bagi memaksimumkan penggunaan ruang di bawah struktur pelindung hujan untuk menjaga hasil tambahan kepada pengusaha.

## NOTAH PEMANDAH

- I. Sistem fertigasi bagi membekalkan larutan nutrien dan penggunaan polibeg hitam jenis tegak bersaiz 16 inci x 16 inci perlu digunakan untuk menyokong pertumbuhan tanaman.
- II. Penyediaan dan memindahkan anak benih di dalam dulang semaian 104 lubang dengan menggunakan 'peat moss' sebagai medium percambahan. Biji benih akan bercambah dalam masa lima hingga tujuh hari dan dialihkkan ke dalam rumah semaian. Anak pokok akan dipindahkan ke dalam polibeg selepas berusia 25 hari. Proses memindahkan anak benih biasanya dilakukan jam 5 petang ke atas mengelak terkena kejutan cuaca panas. Sementara suasana sejuk pada sebelah malam akan mempercepatkan proses pemulihan anak benih akibat kesan pemindahan.

Hasil kajian Mardi mendapati kubis bunga di kawasan tanah rendah mempunyai vitamin C yang lebih tinggi berbanding kubis bunga import dan yang ditanam di tanah tinggi

**MOHAMAD ROFF**

DARI MUKA 35

Beliau melihat potensi penanaman kubis bunga tanah rendah itu dapat diperluaskan dalam skala besar dan berharap memberi pendapatan lumayan kepada-pengusaha tanaman itu kerana amalan penanamannya dikatakan hampir menyamai kualiti amalan produk tanaman organik.

Sebagai galakan, pihaknya menyarankan petani atau pengusaha

yang berhasrat menjalankan tanaman berkenaan dalam skala besar boleh melihat inisiatif seperti Program Agropreneur Muda dan bantuan pengeluaran makanan daripada Agrobank sebagai sokongan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor berkata, tempoh kajian bagi tanaman kubis bunga itu mengambil masa selama empat tahun bukan hanya



WARNA putih 'keju' dan daun hijau.

melihat kepada kualiti, tetapi aspek kandungan nutrisi membolehkan ia produk makanan yang selamat dan sihat untuk pengguna.

Kajian pihaknya turut mendapati kubis bunga yang ditanam secara kaedah fertigasi dengan kawalan atau teknik tertentu itu pada kawasan tanah rendah, memberi hasil jauh lebih baik berbanding produk import atau tanaman di tanah tinggi.

"Hasil kajian Mardi mendapati kubis bunga di kawasan tanah rendah

mempunyai vitamin C yang lebih tinggi berbanding kubis bunga import dan yang ditanam di tanah tinggi. "Selain itu, teknologi pengeluaran kubis bunga tanah rendah juga dapat memendekkan tempoh ia boleh dituai iaitu dalam satu hingga dua minggu, selain mengurangkan risiko penyakit terhadap tanaman terbahit," katanya.

Tempoh matang tuai bagi sayur itu antara 80 hingga 85 hari selepas ditanam.



PEKERJA Jabatan Mardi memeriksa mutu kubis bunga sudah matang.

## Madu kelulut jana pendapatan tambahan

**PUTRAJAYA** – Biar pun sudah mempunyai pendapatan tetap, namun Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Budiman Mohd. Zohdi masih ligat mengusahakan madu kelulut.

Budiman mengusahakan perniagaan itu di Kebun Puisi, Bangi Lama di Kajang.

Menurut Budiman, ramai pihak yang mempersoalkan tindakannya itu memandangkan beliau mempunyai pendapatan tetap.

“Saya sebenarnya dididik dengan sumber gaji pendapatan pasif dan aktif. Selama 22 bulan saya menjadi gelandangan politik, saya ambil keputusan untuk usahakan madu kelulut,” katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Budiman percaya dalam kehidupan, seseorang itu wajar mencari pendapatan harian, mingguan dan bulanan dengan tidak bergantung dengan gaji bulanan semata-mata.

Katanya, dia memilih madu kelulut sebagai hobi kerana terdapat produk itu yang dijual bercampur dengan bahan lain selain produk tiruan.



**BUDIMAN** mengusahakan madu kelulut di Kajang bagi menjani pendapatan sampingan.

“Selain itu, khasiat madu juga tinggi,” katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang itu membetahu, dia bersedia untuk berkongsi pengalamannya mengusahakan madu kelulut itu kepada mereka yang berminat.

Madu kelulut yang diusahakan Budiman kini turut dipasarkan di portal e-dagang, Shopee.

# Nelayan sengsara Sungai Kertih makin cetek



**MUARA Sungai Kertih yang cetek mendatangkan masalah kepada nelayan di Kemaman.**

**KEMAMAN** - Lebih 300 nelayan Kuala Kertih di sini mengeluh sukar turun ke laut dan melabuhkan bot mereka disebabkan muara sungai yang cetek.

Masalah muara Sungai Kertih cetek disebabkan timbunan beting pasir itu sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu tetapi semakin meruncing pada dua bulan lalu.

Ahli Lembaga Pengarah Persewaan Nelayan Kemasik, Zakaria Hassan berkata, kecetekan kualasungai itu memaksa nelayan kawasan tersebut menolak bot mereka untuk sampai ke pengkalan.

"Kalau tidak, kami perlu tunggu sehingga air pasang baru boleh memasuki pengkalan nelayan.

"Ia membuang masa, mahu tidak mahu terpaksa menolak

bot walaupun bukan sahaja kami terpaksa mengerah tenaga malah berdepan juga risiko lemas," katanya kepada *Kosmo!* Ayat di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Ramli Ahmad, 53, mendakwa, sekiranya tidak mahu menolak bot, mereka perlu menunggu sekurang-kurangnya tiga jam di laut sebelum dapat memasuki kualasungai untuk ke pengkalan.

"Jika kita redah juga muarasungai sewaktu air surut, bot nelayan bukan sahaja boleh tersadai atau terbalik malah kipas enjin juga berisiko rosak jika terlanggar beting pasir.

"Banyak juga bot nelayan yang bocor kerana meredah beting pasir berkenaan sewaktu air surut," katanya.

Syed Azlan Tuan Baru, 62, yang 45 tahun berpengalaman

sebagai nelayan pula berkata, masalah kualasungai Kertih cetek semakin meruncing kerana bukan sahaja tidak dapat dimudiki bot nelayan bersaiz besar malah bot gentian kaca yang dimiliki nelayan tradisional.

"Sehubungan itu, kami desak pihak berkenaan ambil tindakan segera mendalamkan kualasungai Kertih ini untuk kemudahan nelayan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kemasik, Saiful Azmi Suhali berkata, projek mendalamkan kualasungai Kertih dijangka dapat disiapkan pada tahun hadapan.

"Sebenarnya kerja-kerja menyedut pasir di muara sungai itu sudah bermula pada tiga minggu lalu tetapi terpaksa dihentikan sementara ekoran musim tengkujuh," katanya.



Headline	Govt's plan to boost padi yield inspires farmers-Petana		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	258 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,439
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,316



# Govt's plan to boost padi yield inspires farmers – Petana

**KIULU:** The Sabah Bumiputra Farmers and Stockbreeders Association (Petana) lauded and expressed full support for the State government's plan to double padi yield in Tambunan by next year.

The plan, announced on November 10 by Deputy Chief Minister and Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Dr. Jeffrey Kitingan is to promote the Tambunan padi production by way of practices, improve irrigation systems and introduction of new padi varieties.

Jeffrey pointed out that padi field farming in Tambunan needs to be improved, adding that the people are committed to farming, but they need to learn and accept new varieties of high yield padi.

"The number of padi field farmers in the district who are doing double cropping is not enough. The main problem is the lack of proper irrigation, which makes double or triple cropping difficult, if not almost impossible," he said.

In supporting the plan, Petana's president Gaibin Ransoi said in a statement here that Jeffrey is definitely



**Gaibin**

taking a no-nonsense approach to significantly increase food production in the state which still depends a lot on imports for its rice needs alone.

"Obviously the new government has made the perfect choice in picking Dr Jeffrey as a minister to be in charge of agriculture," he said, adding "he is a true son of the soil who grew up in a padi farming family, and so has the true spirit and understanding of padi planting culture."

Gaibin said Jeffrey's announcement has become

a new inspiration to Sabah farmers everywhere who now believe it is definitely a signal of better things to come for Sabah farmers.

"After Tambunan, the plan will surely be expanded to other padi planting districts like Tuaran, Keningau, Beluran, Papar, Kota Marudu, Kota Belud," he said.

"But we would also appeal that attention be also given by the ministry to support hill padi production, which has also been a very important practice by Momogun farmers since time immemorial."

He explained that hill padi has an advantage in that it doesn't need ploughing or irrigated water so it is less costly and it can also be done on double cropping.

Pledging full support, Gaibin, on behalf of the members of Petana, hopes to be given a role in forthcoming food production programs to be implemented by the ministry in the near future.

He said, in this regard, Petana will be submitting to the ministry its own ideas and proposal on how to increase food yields in Sabah.